

**TEKS UCAPAN**

**MAJLIS**  
**HARI INOVASI, KREATIVITI DAN INTEGRITI**  
**MKM 2018**

**OLEH**

**YBHG. PUAN WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI**

**KETUA SETIAUSAHA**

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN**

**TEMPAT**

**AUDITORIUM DATO' AB MAJID**

**MAKTAB KOPERASI MALAYSIA**

**PADA**

**SELASA, 30HB OKTOBER 2018**

**MASA**

**11.30 PAGI**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

**YANG BERBHAGIA PROF. DATUK MOHD YUSOF BIN KASIM  
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH MKM**

**YANG BERBAHAGIA TUAN HAJI RAMLAN BIN KAMSIN  
PEMANGKU KETUA PENGARAH MKM**

**YANG BERUSAHA EN. AZMAN MOHD GHAZALI  
TIMBALAN KETUA PENGARAH PENGURUSAN MKM**

**KETUA-KETUA AGENSI**

**PENGARAH-PENGARAH MED DAN AGENSI**

**SELURUH WARGA MKM DAN RAKAN MEDIA**

**SERTA HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN**

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan kurniaNya, dapat kita berhimpun pada pagi ini dalam **Majlis Hari Inovasi, Kreativiti dan Inovasi, Maktab Koperasi Malaysia** tahun 2018.
2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada MKM kerana sudi mengundang saya untuk pertama kalinya bagi menyempurnakan majlis ini dan seterusnya merasmikannya.
3. Ucapan terima kasih kepada semua yang hadir di auditorium ini bagi memeriahkan lagi majlis yang akan berlangsung. Tahniah juga saya ucapkan

kepada penerima anugerah yang diraikan pada hari ini. Sesungguhnya, kejayaan mereka ini akan menjadi pendorong kepada warga kerja MKM yang lain.

#### **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,**

4. Syabas kepada MKM yang telah berusaha melestarikan pembangunan modal insan koperasi serta terus memastikan golongan koperator sentiasa berilmu dan kompeten. Usaha ini akan membantu pencapaian dan aspirasi kerajaan khususnya MED dalam memacu sektor koperasi untuk terus maju dan berjaya.
5. Sebagai institusi pendidikan dan latihan koperasi yang unggul, MKM perlu melaksanakan tanggungjawab ini dengan komitmen yang tinggi. Peranan MKM amat besar dalam menyediakan infrastruktur pendidikan dan latihan koperasi yang kompetatif agar gerakan koperasi di Malaysia mampu menjadi penyumbang penting dalam sektor ekonomi negara.
6. MKM telah menunjukkan kemampuan serta berkeupayaan untuk memandang jauh ke hadapan. Ini selaras dengan slogan MKM, 'Latihan Kreatif, Koperasi Progresif', dalam membangunkan keperluan fizikal pembelajaran bagi menampung lebih ramai koperator untuk mendapatkan peluang pendidikan dan latihan koperasi dalam pelbagai bidang termasuk keusahawanan.
7. Sebagai kementerian yang baru, MED akan sentiasa menyokong peranan MKM demi mencapai jangkaan serta harapan rakyat terhadap agenda pendidikan koperasi. Keperluan ini perlu disokong dengan pelbagai konsep latihan dan pendidikan MKM yang proaktif dan lebih dinamik. Sehubungan

itu, program latihan koperasi yang berorientasikan keusahawanan perlu sentiasa ditingkat dan didedahkan kepada koperator.

#### **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN**

8. Gerakan koperasi di Malaysia akan menjadi antara agenda keusahawanan MED bagi menangani isu kos sara hidup dan ketidaktentuan ekonomi yang sedang berlaku. Aktiviti gerakan koperasi yang berkonsepkan keusahawanan dan perniagaan, mampu meningkatkan taraf hidup rakyat serta membantu memulihkan persepsi rakyat kepada pemerintah.
9. Keupayaan gerakan koperasi telah meningkat selari dengan pertambahan jumlah dan anggota koperasi yang baharu. Penglibatan koperasi dalam menerokai sektor bidang keberhasilan utama amat membanggakan, seperti pelancongan, perladangan, kewangan, hartanah, peruncitan dan pemborongan. Namun begitu, perkembangan ini memerlukan kaedah tadbir urus koperasi yang lebih kompeten dan terancang.
10. Saya difahamkan sehingga Jun 2018, jumlah peserta kursus MKM telah mencapai bilangan seramai 36,649 orang dengan jumlah kursus sebanyak 371 kursus. Perkembangan ini membuktikan bahawa para koperator bertanggungjawab terhadap kepentingan ilmu pengetahuan. Namun begitu, berbanding dengan jumlah sebenar koperasi berdaftar (Disember 2017), sebanyak 13,899 dengan jumlah keanggotaan seramai 6.55 juta orang. Indikator ini menunjukkan bahawa masih ramai lagi anggota koperasi perlu hadir mengikuti kursus dan program MKM.

#### **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN**

11. Hari Inovasi diadakan setiap tahun selaras dengan usaha kerajaan untuk menjadikan inovasi sebagai salah satu agenda utama dalam mencapai

status negara maju yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Inovasi juga menjadi perkara penting yang harus diberikan perhatian dalam pelaksanaan tugas kerana inovasi mengalakkan daya saing dan mampu memacu kecemerlangan.

12. Untuk cemerlang, semua orang perlu berfikiran kritis dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab, dengan mencari penyelesaian kreatif dan inovatif sehingga menjangkau pemikiran biasa. Selain itu, keberanian untuk bereksperimen dengan menggunakan kaedah teknologi baharu yang di luar kotak kelaziman perlu diaplikasikan.
13. Budaya inovatif hendaklah sentiasa dipupuk di kalangan warga kerja MKM bagi menghasilkan pencapaian berimpak besar dalam mutu perkhidmatan. Usaha ini perlu disokong oleh semua peringkat dalam organisasi bagi memastikan nilai-nilai kreativiti serta inovasi menjadi budaya kerja MKM dan bukannya bermusim atau untuk pertandingan semata-mata.
14. Pengajuran Hari Inovasi, Kreativiti dan Intergriti MKM 2018 yang diadakan pada pagi ini menunjukkan komitmen warga kerja MKM untuk terus membudayakan inovasi dalam tugas harian. Bagi mengiktiraf sumbangan warga kerja MKM dalam penghasilan idea kreatif dan inovatif, penganugerahan ini akan menjadi pemangkin kepada MKM untuk terus memartabatkan inovasi dalam pekerjaan.

#### **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN**

15. Tanggungjawab MED sangat mencabar dalam memastikan dasar pembangunan keusahawanan berada dilandaskan yang betul dan pelaksanaan strateginya tepat kepada kumpulan sasar serta berusaha

meningkatkan ekuiti bumiputera dalam sektor ekonomi negara khususnya melalui Perusahaan Kecil Sederhana (PKS).

16. MED komited dalam memperkasa dan menambahbaik pencapaian sektor keusahawanan PKS yang berpotensi besar. Ketika ini, MED akan memberi tumpuan kepada tiga kumpulan sasar utama iaitu kelompok berpendapatan bawah (B40), golongan wanita khususnya ibu tunggal dan generasi muda yang merupakan aset negara yang boleh digilap.
  
17. Bagi merealisasikan harapan tersebut, MED akan bekerjasama dengan agensi-agensi dibawah MED dan kementerian-kementerian yang lain termasuk Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Maktab Koperasi Malaysia. Pembangunan PKS dan kefahaman terhadap keusahawanan perlu diterapkan di kalangan anggota koperasi, yang turut berpotensi dengan jumlah keanggotaan seramai hampir 7 juta dan jumlah koperasi berdaftar melebihi 13 ribu.

#### **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,**

18. Saya yakin dengan kesungguhan MKM dalam membangunkan modal insan koperasi amat tinggi bagi mencapai aspirasi kerajaan dan seterusnya dapat membantu gerakan koperasi dalam pembangunan negara. Sesungguhnya, MED akan sentiasa membantu dalam menyediakan pelbagai kemudahan pendidikan dan latihan koperasi bagi kemajuan koperator melalui pelbagai program pembangunan keusahawanan.
  
19. Akhir kata, syabas dan tahniah sekali lagi kepada MKM bagi pelaksanaan Majlis Hari Inovasi, Kreativiti dan Integriti MKM 2018 yang diadakan pada

hari ini. Tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada semua penerima anugerah dan penghargaan pada hari yang bermakna ini.

20. Ribuan terima kasih kepada semua yang hadir dan urusetia yang telah berusaha memastikan majlis pada hari ini berjalan dengan lancar dan sempurna.

21. Dengan lafaz Bismillahirramanirrahim; saya dengan sukacitanya merasmikan Hari Inovasi, Kreativiti dan Integriti MKM tahun 2018.

**Wabillahi taufiq walhidayah, Wassalaamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.**